



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 7 TAHUN 2006

PEMANJANGAN BANTUAN SARA HIDUP

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan memanjangkan Bantuan Sara Hidup kepada pegawai yang diperuntukkan Rumah Kerajaan dalam lingkungan 25 kilometer dari tempat kerja.

PEMANJANGAN BANTUAN SARA HIDUP

2. Bantuan Sara Hidup dipanjangkan kepada pegawai yang diperuntukkan Rumah Kerajaan dalam lingkungan 25 kilometer dari tempat kerja. Kadar Bantuan Sara Hidup adalah ditetapkan sebanyak 50% daripada kelayakan pegawai yang tidak diperuntukkan Rumah Kerajaan berdasarkan kaedah pelaksanaan dan kadar yang ditetapkan di perenggan 5, 6 dan 7 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 28 Tahun 2005.

TARIKH KUAT KUASA

3. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 September 2006**.

PEMBATALAN

4. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, syarat Bantuan Sara Hidup yang ditetapkan di perenggan 4(d) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 28 Tahun 2005 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK AB. KHALIL BIN AB. HAMID)
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

25 September 2006

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan